

SUMBANGAN TUAN HUSAIN KEDAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM (1863 – 1936 M)

Nik Md Saiful Azizi Bin Nik Abdullah, Nooranissa Binti Ramlee, Aisyah Binti Anzaruddin
Fakulti Pendidikan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
nikazizi@iium.edu.my, nooranissa95@yahoo.com, aisyah_anzaruddin@yahoo.com

Aemy Elyani Mat Zain
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
elyanifpi@gmail.com

Rabi'atul Athirah Muhammad Isa
Pusat Kelestarian Turath Islami (UKM)
irafansurie@yahoo.com

ABSTRAK

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan tentang pendekatan Tuan Husain Kedah di dalam konteks Pendidikan serta sumbangan beliau di dalam Pendidikan Islam. Tuan Husain Kedah adalah tokoh terkenal sebagai penyumbang dalam mengembalikan Islam kepada masyarakat. Tuan Husain Kedah atau nama sebenarnya, Husain bin Muhammad Nasir bin Muhammad Taib al-Mas'udi, adalah seorang ulama yang bukan hanya untuk disanjung dan dikenang, tetapi beliau gemar berkhidmat untuk masyarakat and meninggalkan legasi yang hebat sehingga ke hari ini. Pada zaman pemerintahan British, masyarakat amat dahagakan ilmu agama dan juga Pendidikan. Ketekunan serta kesungguhan Tuan Husain dalam menyampaikan dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat dapat dilihat dari segi pembangunan institusi pondok sebagai medan pengajaran, penulisannya, dan juga kerja-kerja dakwah yang beliau lakukan. Ketokohan, keperibadian dan prinsip hidup beliau yang menonjolkan ciri-ciri seorang ulama prolific menyebabkan beliau sentiasa disanjung dan disegani masyarakat. Dari segi faktanya, kemunculan ramai Ulama Muslim dari Nusantara tetapi masih kabur dan tidak ditemui buktinya. Ulama-Ulama tersebut telah menyumbangkan jasa dalam kemajuan Islam di Nusantara. Adapun, masyarakat Melayu tidak cakna tentang kewujudannya. Jadi, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan sumbangan Tuan Husain Kedah secara khususnya dari segi sumbangannya terhadap Pendidikan Islam di Malaysia.

Kata kunci: *Pendekatan, Sumbangan, Pendidikan Islam, Tuan Husain Kedah.*

Pengenalan

Penekanan Pendidikan dalam Islam adalah untuk melahirkan muslim yang berakhlak mulia yang bertujuan untuk menjadikan contoh yang baik dalam masyarakat. Di antara usaha untuk melahirkan Pendidikan mengikut cara Rasulullah dalam Islam yang selari dengan falsafah

Pendidikan Negara, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengajukan beberapa subjek untuk menggalakkan pembentukan akhlak dan moral yang mulia, iaitu Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pendidikan Islam diperkenalkan sebagai satu subjek untuk menyebarkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan menerapkan nilai-nilai Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah bertujuan untuk membentuk perlakuan, kebolehan, personaliti and pandangan kehidupan sebagai seorang hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan dari segi diri, masyarakat, persekitaran dan negara kearah mencapai kemakmuran di dunia dan di akhirat. (Kementerian Pelajaran, 2002).

Biografi Tuan Husain Kedah

Nama sebenar beliau Abu Abdullah Hussin bin Muhammad Nasir bin Muhammad Taib bin Mas'ud bin Qadhi Abu Su'ud bin Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari dan beliau dikenali sebagai Tuan Husain Kedah. Tuan Husain dilahirkan di Titi Gajah, Kedah pada 20 Jamadil Awal 1280H/2 November 1863. Beliau adalah dari generasi ke-enam dari keturunan Ulama yang ternama, Syeikh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari, penulis buku Sabil al-Muhtadin, yang mana beliau juga merupakan anak angkat kepada Sultan Muhammad Aminullah, pemerintah negeri Mertapura, BanjarMasin (Saleh, 1996; Rusydi, 2007). Bukan itu sahaja, datuknya Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud juga merupakan seorang Mufti Negeri ketika zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879 H).

Sewaktu kecil Tuan Husain digelar sebagai 'Cik Megat' kerana ayahnya, Haji Muhammad Nasir, berkahwin dengan Tengku Fatimah binti Tengku Mahmud, kerabat diraja Kubang Pasu di Kedah. Kebiasaannya, anak yang lahir hasil daripada perkahwinan dari golongan kebanyakan dan perempuan berketurunan diraja akan diberi gelaran 'Megat'. Hasil daripada perkahwinan ini, mereka mempunyai lapan orang anak, enam daripadanya lelaki dan sebelibhnya adalah perempuan. Mereka adalah Muhammad Noor, Husain (Tuan Husain Kedah), Tahir, Kamariah, Muhammad, Aminah, Shamsuddin dan Mansor. Ayah Tuan Husain juga merupakan seorang Ulama dan panglima perang yang gemar merantau, berdagang dan menyebarkan ajaran dakwah di sekitar Kepulauan Melayu (Ismail Saleh 1996: 54).

Orang pertama daripada keluarga ini yang datang ke Kedah ialah Haji Mas'udi bin Qadi Muhammad Said. Kedatangannya tidak dirancang, takdir Allah dimana kapal yang membawanya belayar singgah di Kuala Kedah dalam perjalanan pulang ke Mertapura, Banjar Masin selepas menunaikan fardhu haji. Kapal yang disangka wakil dari Siam yang pada ketika itu sedang bermusuh dengan Kedah telah ditahan dan disiasat. Setelah mendapati bahawa Haji Mas'udi bukanlah musuh Kedah, Sultan Kedah, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah kemudiannya telah melantik beliau sebagai Panglima Perang Kedah setelah mengetahui beliau mempunyai kemahiran dalam ilmu dunia. Semenjak itu keluarga ini mula menetap di Kedah. Walau bagaimanapun, Haji Mas'udi telah dibunuh di Sungai Kedah ketika perang antara Kedah-Siam pada tahun 1826 dimana Kota Kuala Kedah dicerobohi dan diserang oleh Siam (Saleh, 1996; Saman, 1993).

Tuan Husain pernah mengalami peristiwa getir dalam hidupnya. Pada tahun 1929, beliau menerima sepucuk surat daripada Tunku Mahmud yang mengarahkannya keluar meninggalkan negeri Kedah. Salah satu sebab adalah kerana beliau telah menerbitkan semula kitab berjudul *Hidayatul Mutafakkirin* yang pernah diterbitkan pada tahun 1918 dengan keizinan Raja Muda Perak, Raja Abdul Aziz dan bukan dengan keizinan *Shaykh al-Islam* Kedah, iaitu Haji Wan Sulaiman. Ini adalah kerana terdapat peruntukan dalam Undang-undang Mahkamah Syariah pada ketika itu yang menegah sesiapa sahaja yang menerbitkan apa-apa kitab atau risalah agama

sebelum mendapat persetujuan daripada *Shaykh al-Islam* atau wakilnya dan guru-guru yang mengajar agama mesti mengambil tauliah. Tuan Husain dikatakan juga lantang membantah tindakan Wan Sulaiman yang mengajar tarikat kepada sesiapa sahaja, sedangkan bagi Tuan Husain ia tidak sepatutnya berlaku. Di samping itu, terdapat juga masalah-masalah lain yang menunjukkan beliau dan Haji Wan Sulaiman berbeza pendapat.

Setelah menerima surat daripada Tunku Mahmud tersebut, Tuan Husain mengambil keputusan untuk berpindah ke Pokok Sena, Seberang Perai. Di sana beliau membeli sebidang tanah, kemudian membuka pondok serta terus menetap di tempat tersebut. Apabila Haji Wan Sulaiman meninggal dunia pada 2 Mei 1935, Tunku Mahmud menziarahi Tuan Husain di Pokok Sena dan mengajak beliau untuk kembali semula ke Kedah. Walau bagaimanapun beliau enggan berpindah, ditambah pula dengan keadaan kesihatannya yang tidak baik. Namun, atas desakan anak beliau, Hajjah Mariam, beliau setuju untuk kembali ke Padang Lumat. Tunku Abdullah, anak kepada Tunku Mahmud yang pernah menjadi murid beliau menjemput Tuan Husain di Pokok Sena dan sampai di Padang Lumat pada 6 Februari 1936. Empat hari kemudian, iaitu pada 10 Februari 1936, Tuan Husain menghembuskan nafas yang terakhir. Pada mulanya Tunku Mahmud membuat persiapan untuk mengkebumikannya di Makam Diraja Langgar, berhampiran dengan makam datuk beliau, Haji Muhammad Taib, namun, Hajjah Mariam mengatakan bahawa Tuan Husain telah berwasiat supaya dikebumikan di perkuburan Titi Gajah. Umur Tuan Husain ketika beliau meninggal dunia mengikut kiraan tahun Masihi adalah 72 tahun dan 74 tahun menurut tahun Hijriah (Mohd. Rejab, 1993; Saleh, 1996).

Latar belakang Pendidikan

Semasa hayatnya, Tuan Husain Kedah menerbitkan 19 buah buku. Nama yang beliau sering gunakan sebagai pengarang buku ialah Husain Nasir ibn Muhammad Taib al-Mas'udi al-Banjari. Beliau dilahirkan dalam keluarga yang kuat pegangan agama. Ini merupakan faktor yang mendorongnya menjadi seorang Ulama yang disegani. Kita perlu tahu bahawasanya ketika zaman dahulu Pendidikan Agama sangat terkenal dalam keluarga yang menekankan perihal agama terutamanya keluarga yang berketurunan darah Ulama (Ahmad Abd Garni, 1976).

Sejak kecil, Tuan Husain dibesarkan oleh datuknya, Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud, juga Ulama yang tersohor di Kedah pada akhir kurun ke-19 dan juga seorang Mufti Kedah pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879). Haji Muhammad Taib merupakan pengasas institusi pondok di Titi Gajah pada tahun 1870. Selain mengajar, beliau juga menulis beberapa buah buku dalam bidang agama. Tuan Husain telah di ajar ilmu agama dan Bahasa arab sehingga beliau menguasainya dengan baik. Apabila umur beliau mencapai umur 19 tahun pada tahun 1299H/1881M, beliau telah ke Patani hanya dengan berjalan kaki untuk menuntut ilmu di sana. Salah seorang daripada guru-gurunya adalah Tuan Samela, guru pondok yang mana suatu ketika dahulu juga guru kepada datuknya. Beliau tinggal disana hanya setahun kerana ilmu yang di ajar sama seperti mana datuknya mengajarkan kepadanya sebelum ini.

Kemudian, beliau berhijrah ke Kelantan pada tahun 1300H/1882M dan beliau tinggal di sana untuk setahun. Di sana beliau menziarahi sekolah-sekolah pondok yang dikendalikan oleh guru-guru yang masyhur pada zaman tersebut seperti Tok Khurasan, Tuan Tabal, Tuan Padang and Tok Qunuk (Awang, 2001; Mohd. Rejab, 1993). Di Kelantan, Tuan Husain memerhati proses dan pengurusan sistem pondok. Pada tahun 1883, Tuan Husain belayar ke Terengganu dengan menaiki sebuah tongkang. Di sana beliau tinggal bersama sepupu beliau dan membuat kerja-kerja kampung untuk mengumpul perbelanjaan bagi meneruskan pengembaraannya. Setelah setahun di

negeri tersebut, beliau belayar pula ke Singapura dan bekerja sebagai buruh bagi menyara kehidupannya. Kira-kira pada tahun 1886 beliau ke Johor dan seterusnya ke Melaka melalui jalan darat. Dari Melaka beliau menaiki tongkang menuju ke Medan dan terus ke Aceh atau Batu Bara. Di sana beliau belajar hanya enam bulan dan beliau berpindah ke Badagai kerana beliau takut akan ditangkap kerana beliau masuk secara tidak sah pada ketika itu. Setelah itu beliau membuat keputusan untuk pulang ke Melaka. terpaksa pulang semula ke Melaka. Pengembaraan beliau diteruskan dari Melaka menuju ke Selangor dan terus ke Perak dengan berjalan kaki. Di Perak beliau tinggal seketika di Sungai Rebana dan kemudian berpindah ke Sungai Durian atas jemputan Tuan Haji Muhammad Hasan, salah seorang ulama terkenal di Hilir Perak. Di sana beliau mengajar al-Quran kepada kanak-kanak penduduk setempat. Disini, Namanya menjadi terkenal apabila wujud perdebatan tentang akidah dan Tuan Husain mengatasi persoalan ini dengan pandangan dan ilmu beliau dan Ulama ketika itu setuju dengan Tuan Husain Kedah.

Ketika di Sungai Durian, Tuan Husain telah mendirikan rumah tangga dengan Jaharah, anak kepada Penghulu Abdul Wahab. Setelah memperolehi dua orang anak, Jaharah meninggal dunia dan kedua-dua anaknya juga meninggal. Apabila kembali ke Titi Gajah dan membantu datuknya mengajar, beliau dikahwinkan dengan Wan Khadijah binti Wan Jusoh dan mendapat dua orang cahaya mata iaitu Ni'matullah Ahmad dan Siti Mariam (Mohd. Rejab, 1993). Setelah dua tahun, pada tahun 1892, beliau berangkat ke Makkah untuk menyambung pelajaran di bawah pembiayaan datuknya. Di Makkah beliau belajar di bawah ajaran guru antaranya Sheikh Omar Sembawa, Sheikh Nawawi Bintan, Tuan Ahmad Lingga, Tuan Sheikh Muhammad Khafat, Tuan Sheikh Umar Bali dan Sheikh Hasbullah. Dikatakan antara sahabat karibnya di Mekah ialah Haji Muhammad Yusof Kelantan atau dikenali Tok Kenali, Tuan Haji Ya'kub, Sikh Kedah dan Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (Pak Wan Sulaiman) (Tajuddin 1993: 75).

Beliau berada di sana selama empat tahun dan kembali ke tanah airnya pada tahun 1896M dan menyambung semula aktiviti pengajarannya dan penulisan kitab-kitab agama. Setelah pulang daripada Makkah, beliau memberikan sepenuh perhatian untuk mendidik dan membimbing masyarakat untuk menjadi hamba Allah yang soleh dan baik.

Guru-guru

Di antara guru-guru beliau adalah datuknya sendiri Haji Muhammad Taib bin Haji Mas'ud. Beliau mengembara untuk menuntut ilmu belasan tahun. Tiada sumber khusus berkaitan guru-guru di setiap tempat yang beliau datangi untuk belajar sebelum ini kecuali:

1. Syeikh Nawawi Bintan
2. Tuan Ahmad Lingga
3. Sheikh Hasbullah
4. Sheikh Omar Sembawa
5. Tuan Sheikh Muhammad Khafat
6. Tuan Sheikh Umar Bali

Murid-murid

Tuan Husain Kedah mempunyai ramai pelajar di bawah didikannya, tetapi tidak ada bilangan yang spesifik yang telah direkodkan. Menurut Ahmad Abd Garni, murid-murid Tuan Husain Kedah di Bohor sekitar 600 orang, selain itu, di Pantai Merdeka sekitar 400 orang. Institusi Pondok telah

diasaskan oleh beliau di Selengkoh mempunyai 50 pondok, 40 pondok di Padang Lumat dan 100 pondok di Pokok Sena.

Di antara murid-murid nya terkenal yang belajar daripada Tuan Husain Kedah adalah:

1. Lebai Zakaria dari Pahang.
2. Tuan Umar, iaitu adik kepada Lebai Zakaria.
3. Lebai Daha dari Perak.
4. Lebai Sulung dari Sungai Bengkalis.
5. Haji Turidi dari Bagan Datoh.
6. Haji Wan Nik, Cik Nik dan Wan Din dari Patani.
7. Syeikh Ismail Hamzah, bekas Mufti Perak.
8. Ni'amatullah Tuan Haji Ahmad Tuan Hussain, anak lelaki Tuan Hussain.
9. Haji Wan Abdullah Zawawi bin Haji Wan Muhammad, Bekas Qadhi di Perak.
10. Tuan Haji Abd Rahman bin Haji Abdullah, bekas Dato' Murshid Diraja, Kedah.
11. Tuan Haji Ghazali bin Haji Arsyad, bekas pengetua Sekolah al-Irsyadiyah al- Diniyah, Bagan Datoh, Perak.

Tambahan lagi, ada sumber yang menyatakan bahawa Sheikh al-Marbawi, penulis Kamus al-Marbawi (Arab-Melayu) adalah salah satu pelajar Tuan Husain ketika beliau mengajar di pondoknya di Bohor (1319 AH / 1890 AD - 1333 AH / 1913 AD). (Ahmad Abd. Garni bin Haji Said, 1976, p. 77).

Penulisan

Tuan Husain seorang Ulama yang bukan sahaja hanya mengajar, beliau juga terkenal dengan penulisan dan penerbitan. Kesibukannya dalam menguruskan pondok dan mengajar tidak menghalangnya daripada menulis dan menerbitkan buku-buku agama dan Bahasa arab. Beliau bermula menulis dari umur 25 tahun, pada tahun 1887. Diantara buku-buku beliau adalah:

1. Al-Nur al-Mustafid fi 'Aqa'id ahl al-Tawhid. Buku membincangkan tentang Tawhid dan selesai pada tahun 1305H/1887
2. Tamrin al-Sibyan. Buku membincangkan tentang Tawhid ditulis pada tahun 1318/1899.
3. Hidayat al-Sibyan. Buku membincangkan tentang ilmu tawhid dan Ibadah ditulis pada tahun 1330/1911
4. Hidayat al-Atfal. Buku tentang Tawhid ditulis pada tahun 1336/1917
5. Hidayat al-Mutafakkirin. Buku membahaskan tentang Tawhid ditulis pada tahun 1337/1918.
6. Kasr al-Iksir. Kitab panduan untuk mengenali diri ditulis pada tahun 1340/1920.
7. Tadkir Qaba'il al-Qadi. Terjemahan dari kitab Jawahir al-Bukhari ditulis pada tahun 1343/1923.
8. Bidayat al-Talibin. Kitab membahaskan tentang Tasawwuf seperti nazar yang membawa kepada makrifatullah dan lengkap pada tahun 1344/1924.
9. Qatr al-Ghaythiyyah. Kitab Tasawwuf dan ditulis pada tahun 1344/1924
10. Malaqit al-Lamiyah wa al-Shafiyah. Kitab Sarf (ilmu sarf) ditulis dalam Bahasa Arab pada tahun 1345/1925.

11. Tafrih al-Sibyan. Kitab yang mengaitkan tentang sejarah kelahiran Nabi Muhammad SAW ditulis pada tahun 1346/1926.
12. Usul al-Tawhid. Kitab membincangkan ilmu Tawhid dan Fiqh ditulis pada tahun 1346/1927
13. Hidayat al-Nikah. Risalah berkenaan hokum nikah kahwin ditulis pada tahun 1347/1928.
14. Tabsirah li Uli al-Albab. Kitab Tawhid ditulis pada tahun 1351/1931.
15. Hidayat al-Ghilman. Kitab Tawhid dalam Bahasa Arab ditulis pada tahun 1351/1932.
16. Majmu'al-La'ali. Koleksi persoalan dan jawapan tentang Fiqh, termasuk peraturan dan kelebihan solat, wirid, dan doa ditulis pada tahun 1352/1933.
17. Tanbih al-Ikhwan fi Tadbir al-Ma'ishah wa Taslih al-Buldan. Risalah berkaitan urusan kehidupan seharian dan pembangunan negara menurut Islam ditulis pada tahun 1354/1935.
18. Bunga Geti. Risalah yang membincangkan tentang permasalahan tentang qada' (sembahyang ganti), ditulis pada tahun 1354/1935
19. Nail al-Maram fima Yujibu Husn al-Khitam.

Penulisan Tuan Husain Kedah lebih berkisar dan tertumpu tentang ilmu Tawhid, Fiqh dan Tasawwuf. Walaupun beliau ada menulis 2 buah buku tentang Tariqah, beliau sendiri tidak pernah memberitahu bahawa beliau memegang mana-mana Tariqah. Dari 19 buah buku, hanya 3 buku yang masih ada dipasaran iaitu Hidayat al-Sibyan, Hidayat al-Mutafakkirin and Qatr al-Ghaythiyyah, selebihnya disimpan di perpustakaan Negara, Arkib Negara Malaysia (cawangan Kedah dan Perlis) dan sebagai koleksi peribadi (Abdullah, 2011). Dengan penulisan yang dihasilkan beliau, jelas menunjukkan bahawa Tuan Husain adalah seorang ulama yang prolifik dan amat mementingkan ilmu. Penghasilan penulisan pada zamannya, khususnya yang berbahasa Melayu dapat dikatakan bahawa sumbangannya ini amat signifikan dalam konteks masyarakat pada masa tersebut yang memerlukan ilmu pengetahuan

Sumbangan Tuan Husain Kedah dalam Pendidikan Islam

Sebagai Ulama yang disegani ketika zamannya, Tuan Husain memainkan peranan yang besar dalam bidang Pendidikan Islam melalui pembangunan dan pemajuan sistem sekolah Pondok, menulis kitab berkaitan agama dan ilmu Bahasa Arab dan secara langsung memberi sumbangan terhadap pandangan dan idea terhadap beberapa isu dalam menangani serta memberi hujah menunjukkan prinsip dan perlakuan sebagai pendidik yang sebenar. (Mohd. Rejab, 1991). Segala usaha dan sumbangan yang beliau lakukan telah memberikan manfaat kepada masyarakat dalam memberi kefahaman dan menerapkan ajaran-ajaran Islam.

Tuan Husain seorang ulama yang amat mementingkan Pendidikan agama dalam masyarakat. Beliau dilaporkan banyak mengasaskan institusi pengajian pondok. Satu keunikan dalam kegiatan keilmuannya ialah beliau tidak akan menetap lama di sesuatu tempat seperti ulama lain pada zamannya. Beliau dikatakan telah berpindah sebanyak enam kali antara tahun 1897 hingga 1935. Setiap tempat yang didiaminya, beliau akan membuka pondok dan mengajar masyarakat di sekitarnya. Setelah pulang dari Mekah, beliau mengajar di pondok yang diasaskan oleh datuknya di Titi Gajah.

Setahun di situ, beliau mula berhijrah ke tempat lain. Penghijrahan pertamanya adalah pada tahun 1897 iaitu dari Titi Gajah ke Alor Ganu yang terletak di seberang sungai Titi Gajah. Ia adalah jemputan penduduk di sana supaya beliau mengajar mereka. Di sana beliau juga dikatakan mengajar jawi kepada kepada orang-orang kampung sebelum mengajar agama. Tiga tahun

kemudian iaitu dalam tahun 1900, beliau berpindah ke Bohor dan menetap kira-kira 13 tahun di sana. Ia merupakan satu masa yang paling lama yang pernah beliau habiskan dalam sejarah pengajaran di sekolah pondoknya. Kawasan pondok ini agak luas dan dilaporkan mencecah sehingga 300 buah pondok. Ahmad Abdul Garni (1977) menganggarkan para pelajarnya berjumlah 600 orang dan sebahagiannya ada yang datang dari Patani, Indonesia dan negari-negeri lain di Semenanjung. Pondok ini diselenggarakan sendiri oleh beliau tanpa mendapat sebarang peruntukan kewangan daripada kerajaan.

Pondok-pondok tersebut terbahagi kepada dua kelompok, iaitu 'Pondok Dalam' untuk mereka yang telah berumah tangga dan 'Pondok Luar' untuk para penuntut bujang. Kemasyhuran Tuan

Husain menyebabkan Tunku Mahmud, iaitu Pemangku Sultan datang belajar di tempat beliau setiap minggu dan turut menempatkan anaknya, Tunku Abdullah untuk tinggal di tempat tersebut dan belajar dengan beliau. Antara murid lain yang terkenal ialah Shaykh Ismail Hamzah, Bekas Mufti Perak dan Shaykh Idris al-Marbawi, pengarang *Qamus al-Marbawi*, kamus Arab-Melayu (Saleh, 1996).

Pada tahun 1912 beliau berpindah pula ke Bagan Ulu atau sekarang dikenali sebagai Pantai Merdeka dan membeli sebanyak 160 relung tanah. Di sana beliau membuka pondok dan para pelajarnya dikatakan seramai 400 orang. Beliau mengajar pada waktu pagi hingga tengah hari, manakala sebelah malam, Haji Abdul Ghani, pembantu beliau yang kemudiannya menjadi menantunya mengambil alih tempat beliau mengajar sebelah petang dan malam. Antara murid beliau yang terkenal ialah Haji Abd.Rahman b. Haji Abdullah, Dato' Murshid di Raja Kedah, Haji Ismail b. Sulaiman, Tuan Guru Pondok Batu Hampar, Merbok, Kedah dan Haji Ghazali b. Hj. Arshad, Mudir Sekolah al-Irshadiyah al-Diniyah, Bagan Datok, Perak (Saleh, 1996).

Setelah lebih kurang tujuh tahun kemudian, iaitu kira-kira pada tahun 1920, beliau mengambil keputusan untuk berpindah pula ke Selengkoh, mukim Sungai Limau dan berkhidmat di sana selama empat tahun. Jumlah pondok di tempat tersebut tidak lebih 50 buah. Beliau mendapati bahawa tanah di tempat tersebut tidak sesuai kerana becak dan berlumpur yang menyebabkan orang ramai sukar untuk datang ke pengajiannya. Seterusnya, pada tahun 1924, iaitu selepas pulang daripada menunaikan fardhu haji beliau berpindah ke Batu Enam Belas, Padang Lumat. Di sana beliau turut mengajar orang-orang kampung setiap pagi hari Rabu, di samping kuliah untuk pelajar pondok pada setiap hari. Dikatakan sebanyak 40 buah pondok didirikan di tapak ini. Institusi ini kemudiannya berkembang dan kini merupakan sebuah sekolah agama yang dikenali sebagai Madrasah al-Taufiqiah al-Khairiah.

Perpindahan terakhirnya ialah kira-kira pada tahun 1929, iaitu dari Padang Lumat ke Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai setelah menerima surat yang memerintahnya untuk keluar dari negeri Kedah. D dilaporkan lebih dari 100 buah pondok didirikan di sekitar sekolah tersebut dan beliau turut mendirikan rumah panjang seperti asrama yang memuatkan 60 orang pelajar. Dari segi pembelajaran, beliau mula menggunakan jadual pada tahun 1934 dan dengan adanya sistem tersebut, ia telah berjaya menarik lebih ramai lagi pelajar untuk datang. Pokok Sena yang pada mulanya adalah sebuah perkampungan kecil telah berkembang setelah Tuan Husain datang ke situ. Institusi yang diasaskannya ini semakin maju dan anaknya Haji Ahmad telah menyambung perjuangannya setelah beliau meninggal dunia pada tahun 1936.

Boleh dikatakan disetiap pusat pengajian yang ditubuhkan oleh Tuan Husain Kedah menerima respon yang menggalakkan dan menjadi tumpuan kepada mereka yang ingin belajar ataupun ingin belajar lebih dalam bidang agama ataupun Bahasa Arab. Peribadi beliau yang bertaqwa, tegas and ilmunya yang luas berjaya menarik minat ramai orang untuk belajar dibawah

asuhan beliau dan mereka datang bukan hanya dari negeri Kedah, tetapi juga dari tempat yang jauh seperti Patani, Indonesia, Brunei dan dari merata tempat yang lain. Walaupun disebalik kesusahan sistem komunikasi pada ketika itu, dan juga kekurangan institusi Pendidikan yang dibangunkan oleh kerajaan, cabaran ini tidak menghalang dan meruntuhkan semangatnya.

Tarikan yang utama pondok yang dibangunkan oleh Tuan Husain Kedah, dimana bukan sahaja tempat untuk mengajar murid-murid disana tetapi juga dibuka kepada orang kampung di daerah tersebut untuk mendalami ilmu-ilmu agama. Tambahan pula, beliau juga menyediakan jadual untuk murid-murid serta menggalakkan mereka untuk berdikari bagi meneruskan hidup. Beliau juga mengajar daripada tengahari, sehingga selepas waktu Zuhr dan Asr. Pembantunya pula akan mengajar di petang hari. Jadual yang disediakan memberi peluang kepada pelajar pondok untuk mencari rezeki di pagi hari dimana sebilangan mereka bekerja di sawah padi dengan penduduk setempat (Abdullah, 2010). Maka, diwaktu tengahari dan petang adalah waktu sesuai untuk fokus kepada pembelajaran.

Signifikansi Sumbangan Tuan Husain Kedah Yang Masih Kekal Pada Masyarakat Sekarang

Di akhir kurun ke-19 sehingga awal kurun menyaksikan kemunculan ramai Ulama Islam di Kedah. Mohd Salehuddin mencatatkan ketika ini direkodkan di sekitar Kedah mempunyai 20 ornat Ulama yang terkenal. Ada diantara Ulama tersebut yang membangunkan sekolah-sekolah agama, madrasah dan pondok di tempat yang berbeza dan ada diantaranya bekerja di bahagian pentadbiran hal ehwal agama. Salah seorang daripada Ulama tersebut adalah Tuan Haji Husain yang mana kehidupannya dan idea telah di kaji oleh Ishak Rejab.

Di antara madrasah yang terkenal adalah Madrasah al-Khairiah al-Islamiah dan telah melahirkan ramai pelajar antaranya seperti Ustaz Haji Abd. Hamid Afendi, Ustaz Haji Suhaimi Haji Sulaiman, Ustaz Ishak Manaf, Ustaz Ismail Hashim, Ustaz Othman Fauzi Abd. Rahman, Ustaz Haji Abdul Kadir Haji Hamzah, Ustaz Abu Bakar Kassim, Ustaz Ishak Rejab dan Ustaz Mohd. Zain Haji Othman, yang memainkan peranan besar dalam perkembangan Islam setelah melanjutkan pelajaran ke Makkah, Mesir dan India (Awang, 2001).

Selain daripada pemikirannya dan sumbangan beliau dalam Pendidikan dan agama, Tuan Husain juga menyatakan pandangan dalam perkembangan materi dan bahan. Beliau menyarankan untuk masyarakat Muslim terlibat dalam perdagangan serta dalam projek penanaman padi berskala besar. Adapun pula, beliau menyarankan sebelum bergiat di dalam perniagaan perlu lah untuk mengetahui selok belok dan mempunyai ilmu tentang perniagaan kerana tanpa ilmu, kemahiran dan pengalaman, suatu projek tidak dapat dijalankan dengan baik dan matlamat tidak dapat dicapai. Ini ditulis di dalam buku, *Tanbih al-Ikhwan fi Tadbir al-Ma'ishah wa Taslih al-Buldan*. Cadangan untuk masyarakat aktif dalam pertanian, khususnya penanaman padi kerana beras adalah makanan ruji bagi masyarakat Kedah.

Industri pengeluaran beras yang berskala besar bukan hanya memberi makan kepada masyarakat setempat, tetapi menjadi sumber pendapatan ekonomi seperti Thailand dan India. negara. Selain daripada pertanian, Tuan Husain juga menggalakkan Muslim untuk melibatkan diri dalam perniagaan berdasarkan Syariah Islam. Beliau menyarankan pusat pengkomersialan atau pusat membeli-belah dibuka ditempat yang strategik. Saranan beliau untuk perkembangan materi dan bahan bukan tertumpu kepada kecintaan terhadap keduniaan, kerana bagi beliau usaha untuk mendapatkan harta dunia untuk mengangkat martabat dan taraf kehidupan yang pastinya tidak bertentangan dengan hukum Allah bertujuan meningkatkan status ekonomi Muslim itu sendiri (Mohd. Rejab, 1991).

Pemikiran yang diketengahkan, prinsip yang dipegang dan sikap yang ditonjolkan jelas memberikan kesan kepada masyarakat dan beliau kerap serta menggalakkan masyarakat untuk sentiasa berlumba untuk meningkatkan taraf hidup dari semua segi tidak mengira berkaitan dengan ukhrawi atau duniawi.

Tuan Husain Kedah juga menekankan aspek moral dan etika dalam pembelajaran. Sebagai seorang guru dan ulama, Tuan Husain bersikap tegas dalam mendidik para pelajarannya. Beliau amat mementingkan adab sopan dan tatatertib sehingga murid-murid beliau dan orang-orang kampung turut terpengaruh dengan sikap ini dan menjadikannya sebagai budi bahasa mereka. Bagi murid-murid beliau, mereka dilarang menyimpan rambut, memakai seluar dan berkopiah hitam. Mereka juga dilarang merokok, menyanyi, bersiul dan bergaul bebas antara lelaki dan perempuan. Bagi mengelakkan pergaulan bebas antara penuntut lelaki dan perempuan, tempat tinggal dan tempat belajar mereka diasingkan, malah pondok bujang dan pondok yang berumah tangga juga turut dipisahkan. Beliau akan memastikan mereka solat berjemaah, menutup aurat dan memakai kopiah putih bagi lelaki serta menghadiri kuliah yang ditetapkan. Sekiranya terdapat pelanggaran peraturan dan disiplin, beliau akan merotan murid-murid yang terlibat sebagai pengajaran bagi mereka tanpa mengira umur dan keturunan murid tersebut (Abdul Garni, 1977). Ketegasan beliau dalam menjaga adab sopan dan disiplin telah berjaya mendidik para pelajarannya berbudi pekerti mulia dan disanjung masyarakat.

Tindakan Tuan Husain yang selalu berpindah adalah disebabkan prinsipnya ketika membuka dan membangunkan pondok. Bagi beliau, mendirikan institusi pondok adalah untuk mengembangkan ajaran Islam dan memudahkan orang ramai yang ingin mempejarinya. Dengan sebab itu, jika didapati tempat tersebut telah ramai orang yang berpengetahuan agama, maka beliau akan berpindah ke tempat lain di mana terdapat ramai orang yang tidak tahu membaca dan menulis (Abdul Garni, 1977). Prinsip itulah yang dipegang hingga ke akhir hayatnya dan tidak hairanlah jika beliau telah berpindah sebanyak enam kali dalam sepanjang tempoh beliau membuka pondok.

Daripada prinsip ini jelas bahawa beliau begitu bersungguh-sungguh dalam memberikan Pendidikan kepada masyarakat pada zamannya supaya mereka bukan sahaja celik huruf tetapi turut memahami ajaran Islam yang sebenar. Selain daripada mengajar di pondok, menurut Ismail and Mat Zain (2011), Tuan Husain juga menerima banyak undangan untuk mengajar ditempat lain seperti Istana Kuala Kangsar, Masjid Bukit Chandan, Masjid Telok Anson (Teluk Intan) dan Masjid Parit di Perak. Kedatangannya akan diiklankan sebelum beliau sampai ke tempat-tempat tersebut dan ternyata pengajarannya mendapat sambutan yang amat menggalakkan memandangkan ia selalu dibanjiri orang ramai yang ingin menadah ilmu daripadanya.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan daripada penerangan di atas, ia membuktikan bahawa Tuan Husain Kedah adalah seorang tokoh Ulama yang disegani di Malaysia dan telah membawa pembaharuan dalam masyarakat khususnya di negeri Kedah kerana sistem kurikulum Pondok terkenal di negeri tersebut. Sumbangannya untuk membuka sekolah dan mengajar ilmu-ilmu agama kepada masyarakat meninggalkan kesan yang besar sehingga ke hari ini. Tambahan lagi, ada segelintir anak murid beliau yang juga mengikut jejak langkah beliau menjadi seorang Ulama dan menyampaikan ajaran-ajaran Islam. Penulisanya dalam setiap bidang termasuk fiqh, tasawuf, tauhid dan yang lainnya memberi manfaat kepada masyarakat yang mana tulisannya tidak hanya

memfokuskan tentang hukum dan persoalan mengenai agama tetapi juga menyediakan ilmu yang berguna untuk para pembaca dan masyarakatnya sendiri.

Antara sumbangan lainnya dalam Pendidikan Islam adalah mengajak dan menggalakkan masyarakat untuk meningkatkan praktis dan membersihkan jiwa daripada segala elemen yang tidak elok, dan meninggalkan segala perbuatan-perbuatan yang mendorong kepada shirik dan khurafat. Dalam usaha untuk meneruskan ajaran Islam, Tuan Husain Kedah telah mendirikan Institusi Pondok di enam tempat bermulal Alor Ganu Pondok, Bohor, Padang Lumat, Batu 16, Selengkoh, Yan dan Pantai Merdeka. Setelah itu, beliau berpindah ke Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai dan Penang. Keunikan dan kebolehan beliau dalam menyebarkan Islam patut menjadi contoh dan beliau juga merupakan adalah orang yang tepat menjadi model yang baik dan panduan.

Dalam menelusuri kehidupan Tuan Husain Kedah, beliau seorang Ulama yang kuat dan tabah dalam perjuangannya. Sejak dari kecil, beliau telah lalui kehidupan yang sukar dalam menuntut ilmu. Tekadnya untuk mencari ilmu, kesusahan dan kemiskinan bukan penghalang untuk semua itu.

Prinsip ini yang dipegang oleh beliau yang membuatnya tetap teguh untuk meneruskan cita-citanya untuk mendidik masyarakat. Di setiap tempat yang beliau kunjungi dan menetap, maka disitulah beliau akan membangunkan institusi pondok. Kepimpinannya membuatkan pondok tersebut fokus hanya pada masyarakat dan pelajar. Dengan usahanya, beliau berjaya membina satu persekitaran yang kondusif untuk Pendidikan dan beliau berjaya untuk menjadikan masyarakat tersebut berilmu. Tradisi menyebarkan ilmu dan membina pondok diteruskan oleh anak muridnya dan terdapat beberapa pondok yang masih beroperasi sehingga kini seperti, Pondok Padang Lumat, Kedah dan Pokok Sena, Pulau Pinang. Maka, peranan dan sumbangan Tuan Husain Kedah layak untuk diiktiraf, di contohi masyarakat muslim dan mendapat pengiktirafan penuh, khususnya di Malaysia dan amnya di kepulauan melayu.

Cadangan dan Penambahbaikan

Sistem Pendidikan di laksanakan dengan baik. Permasalahan berlaku disekolah dari aspek guru tentang bagaimana untuk menggunakan kaedah yang betul dan sesuai mengikut keperluan pelajar. Guru perlu cakna tentang kebolehan dan kemahuan pelajar agar mereka mereka mengajar mengikut kemampuan pelajar. Guru yang baik bukan hanya sekadar mengajarkan ilmu tetapi menyelami ilmu tersebut kepada pelajar agar mereka mendapat manfaatnya dan pengajaran di dalam kelas akan lebih bermakna.

Dalam subjek Pendidikan Islam, guru perlu mengambil berat tentang bagaimana untuk menarik minat pelajar di dalam kelas. Guru perlulah kreatif dan juga berilmu dengan subjek yang dikendalikan. Guru perlu mengaitkan teori dengan praktikal juga kepada isu semasa yang berlaku.

Adapun pula, pendekatan yang berbeza boleh di ambil dalam menjalankan kajian ini untuk mengumpulkan lebih banyak maklumat seperti membuat borang kaji selidik atau temubual. Dengan itu, maklumat tentang tokoh dalam diperolehi lebih banyak.

Rujukan

Abdullah, N.H. (2010). Tuan Husain Kedah. Retrieved from <http://ummatanwasatan.net/2010/10/jiwa-warisan-darah-pahlawan>

- Abu Bakar, A. Y (2016). Biografi Ulama Malaysia Tuan Hussain Kedah Penggiat Sistem Pengajian Pondok di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang, I. (2001). Tuan Husain Kedah (1863-1936). In Daud, I. (ed.). Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu 1. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
- Corbin, J. & Strauss, A. (2008). Basics of qualitative research: Techniques and procedures for developing grounded theory (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Haji Said, A. A. G. (1976). Tuan Hussain Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ishak Mohd. Rejab (1991). Peranan Ulama' dalam Masyarakat di Kedah dengan diberi Penekanan kepada Tuan Husain bin Muhammad Nasir al-Mas'udi dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidek. In Dokumentasi Konvensyen Sejarah. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darul Aman.
- Ishak Mohd. Rejab (1993) Haji Husain Mohd. Nasir al-Mas'udi. Dlm. Ismail Mat (pnyt.) Ulama Silam dalam Kenangan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Awang (1988), Tuan Husain Kedah (1863 – 1936), In Ismail Che Daud (ed.), Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung (1), Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Saleh. (1996). Tuan Husain Kedah, dalam Biografi Ulama Kedah Darul Aman. Alor Setar: Muzium Negeri Kedah Darul Aman: 53-64.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (2002). Sukatan pelajaran Pendidikan Islam (Islamic Education Subject Outline), Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur.
- Persatuan Bekas-bekas Pelajar al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah (1979). Tokoh Ulung Tuan Hussain bin Mohd Nasir bin Mohd Taib al-Mas'udi al-Banjari. Pulau Pinang: Al-Madrasah al-Khairiyah al-Islamiyah.
- Rapley, T.(2007). Doing conversation, discourse and document analysis. London: Sage.
- Shukri Ahmad. (2011) Pengaruh Pemikiran Ulama di Semenanjung Malaysia Akhir Abad ke-20, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Suhanim Abdullah (n.d.). Sumbangan Ulama Banjar di Kedah. Dlm. <http://www.kdhib.gov.my/wacana/> (1 November 2011).
- Tajuddin Saman (1993). Tokoh Ulama Nusantara. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

Lampiran



Researcher at Tuan Haji Hussin rahimahu Allah grave behind Masjid Titi Gajah, Alor Star, Kedah.